

Headline	Bengkel penulisan novel fiksyen sains tarik minat penulis muda		
MediaTitle	Mingguan Malaysia		
Date	12 Jan 2014	Language	Malay
Circulation	459,793	Readership	1,854,000
Section	Dlm Negeri	Color	Full Color
Page No	17	ArticleSize	330 cm ²
AdValue	RM 7,460	PR Value	RM 22,380



Bengkel penulisan novel fiksyen sains tarik minat penulis muda

KUBANG PASU 11 Jan. - Bengkel Penulisan Novel Fiksyen Sains dan Teknologi anjuran Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Kumpulan Utusan yang diadakan di Hotel EDC, Universiti Utara Malaysia (UUM) di sini hari ini berjaya menarik penyertaan penulis-penulis muda dari wilayah utara.

Pengarah Penerbit UTM Press, **Dr. Kassim Thukiman** berkata, dalam setiap bengkel yang diadakan di seluruh negara, penulis-penulis muda didapati semakin berminat dengan genre penulisan fiksyen sains dan teknologi.

"Sebelum ini kita dapati penulis muda lebih cenderung menulis novel yang berkisar tentang genre percintaan, namun dengan adanya bengkel sebegini minat mereka terhadap genre fiksyen, sains dan teknologi semakin bercambah.

"Selain itu terdapat juga penyertaan daripada penulis-penulis baharu dalam bidang kesusasteraan yang turut menyertai bengkel ini dan mereka dijangka memerahkan dunia penulisan tanah

air," katanya ketika ditemui di Hotel EDC, UUM di sini hari ini.

Menurut beliau, bengkel itu juga menggalakkan penulis muda di negara ini agar lebih berani meneroka serta menggabungkan sastera dan sains dalam karya-karya yang mereka hasilkan.

"Sebenarnya tidak wujud pemisah antara sastera dan sains. Bengkel ini mahu menjadi penggerak yang mewujudkan jambatan antara sastera dan sains untuk diperkenalkan kepada generasi muda.

"Kami yakin dengan memasukkan elemen sains dalam sastera bagi tujuan pendidikan, generasi muda akan lebih mesra dengan karya-karya sastera," ujarnya.

Seorang peserta bengkel tersebut, **Mazura Jamali**, 27, yang merupakan seorang pensyarah tertarik untuk menyertai bengkel itu kerana mahu mendalami bidang penulisan dengan lebih mendalam bersama ahli-ahli panel yang pakar dalam bidang tersebut.

"Saya memang telah lama ber-

minat dengan bidang penulisan dan melihat genre fiksyen, sains dan teknologi sebagai cabang penulisan yang harus saya terokai. Saya juga bercadang menghasilkan sebuah novel berkonsepkan fiksyen, sains dan teknologi selepas menyertai bengkel ini," jelasnya.

Seorang lagi peserta, **Norliana Husna Roslan**, 16, menyertai bengkel tersebut untuk melengkapkan diri mengenai bidang penulisan fiksyen, sains dan teknologi sebelum menghasilkan sebuah novel tidak lama lagi.

"Saya masih bergelar pelajar namun saya amat meminati bidang penulisan dan disebabkan itu saya meluangkan masa cuti untuk menyertai bengkel ini," katanya.

Bengkel sehari itu dibimbing oleh lima panel penceramah yang pakar dan tidak asing lagi dalam penulisan karya kreatif iaitu Prof. Madya Dr. Hashim Ismail, Prof. Dr. Ahmad Zaki Abu Bakar, Dr. Mohd Saleeh Rahamad, Prof. Dr. Wan Abu Bakar Wan Abas dan Prof. Madya Dr. Lim Swee Tin.



DR. Kassim Thukiman (kiri) bermesra bersama peserta Bengkel Penulisan Novel Fiksyen Sains dan Teknologi anjuran Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Kumpulan Utusan di Hotel EDC, Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok, Kedah, semalam. - MINGGUAN/ISMAIL KAMADIN